

## Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

---

**From:** UUM CORPORATE COMM.  
**Sent:** Monday, February 17, 2020 10:02 PM  
**To:** UUM - All Staff; UUM - All Students  
**Subject:** UUM Perlu Jadi 'One' Dengan Utamakan Kualiti Dalam Budaya Korporat



UUM Corporate Comm.  
Universiti Utara Malaysia

17 FEBRUARI 2020 / 23 JAMADILAKHIR 1441H  
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"  
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee

Gambar oleh: Hafiz Hisyamuddin Saad dan Mohd. Fuad Hamid

### UUM PERLU JADI 'ONE' DENGAN UTAMAKAN KUALITI DALAM BUDAYA KORPORAT



**UUM ONLINE:** Untuk menjadi sebuah universiti yang berjaya, UUM harus menjadi 'ONE' dengan mengutamakan keperluan kualiti dalam budaya korporat.

Bekas Ketua Pegawai Eksekutif Proton Holdings Bhd., Tengku Tan Sri Dr. Mahaleel Tengku Ariff berkata, sebagai organisasi harus mewujudkan satu budaya yang mana semua di dalam organisasi adalah sama.

"Integriti dan kejujuran adalah penting dalam sebuah syarikat atau badan korporat yang menjadi nadi kekuatan.

"Mana-mana syarikat pasti mempunyai elemen seperti duit, pasaran, tenaga manusia, pembuatan, bahan, pemasaran dan jenama dalam usaha menjadi sebuah organisasi berjaya," katanya pada Kursus Penjawat Utama di dalam Slot 6 'The Need For Quality Oriented Corporate Culture' di EDC Hotels & Resorts, baru-baru ini.

Bagaimanapun, katanya, kualiti dalam organisasi juga penting dan dua perkara yang perlu ada adalah dengan memastikan semua staf terlatih untuk berkhidmat dan produk atau perkhidmatan telah direka bentuk serta diuji dengan baik dan relevan.

Dalam sesi hampir dua jam itu, beliau turut berkongsi pengalamannya ketika berkhidmat di Proton sebelum dilantik sebagai Pengarah Tien Wah Press Holdings Berhad sekarang.

Beliau juga mengingatkan supaya menetapkan dalam fikiran bahawa setiap perniagaan boleh menghasilkan keuntungan termasuk UUM walaupun sebagai institusi pendidikan.

Kursus selama dua hari bermula 11 Februari itu bertujuan membina satu pasukan kerja dalam kalangan penjawat utama universiti yang mantap dan sentiasa dinamik terhadap sebarang perubahan dan cabaran.

Penganjuran Kursus Penjawat Utama 2020 ini diharapkan dapat memotivasikan semua penjawat utama UUM agar dapat bersama-sama membangunkan universiti bagi mencapai visi dan misi yang telah ditetapkan.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.